

Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Berita Harian – Colour
Ekonomi, P. 25 (1 of 1)

Date: July 19, 2007



Sepintas

Tarik diri

JAFZA, pengendali zon bebas global berpangkalan di Dubai, menarik diri daripada konsesi penguurusan di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PFKZ) dan notis rasmi mengenai penamatan perkhidmatannya dikemukakan semalam.

Dalam kenyataannya, Jafza berkata keputusan dibuat kerana ia kini hanya berminat dalam pembangunan zon bebas yang mana ia boleh terus mengawal operasi sebagai pemegang ekuiti, selari dengan perkembangannya untuk menjadi peneraju pemaju zon bebas global.

Konsesi PFKZ, bagaimanapun katanya, hanya semata-mata kontrak pengendali dan pengurusan dengan 100 peratus ekuiti dipegang oleh Lembaga Pelabuhan Klang.